



**MAJLIS DAERAH YONG PENG
KM 1, JALAN LABIS,
83700 YONG PENG,
JOHOR DARUL TA'ZIM**

Tel : 07-4671276 / 07-4681026
Fax : 07-4671712 E-Mail: mdyp@johor.gov.my
Laman Web : www.mdyongpeng.gov.my

IKLAN JAWATAN KOSONG

BIL	JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN
1.	PEMBANTU TADBIR GRED N19	MYSTEP	3

PEMBANTU TADBIR GRED N19 (MYSTEP)

GAJI DITAWARKAN	: RM 1,700.00
SEBULAN TEMPOH	: APRIL 2024 HINGGA DISEMBER 2024
KEKOSONGAN	: 3 (TIGA)
CALON KEMUDAHAN PERKESO	: CUTI REHAT, CUTI SAKIT, CARUMAN KWSP DAN CARUMAN

SYARAT KELAYAKAN:

1. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Warganegara Malaysia (keutamaan kepada warga Negeri Johor sahaja)
3. Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

KRITERIA TAMBAHAN

1. Mempunyai kemahiran komputer MS Word, MS Excel dan MS Power Point.
2. Mampu bekerja dalam situasi yang mendesak dan boleh menyiapkan tugas mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan;
3. Boleh bekerja di bawah pengawasan yang minimum;
4. Mempunyai minat untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran diri; dan
5. Bertanggungjawab dan berdisiplin

DESKRIPSI TUGAS:

Personel MySTEP bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi pada peringkat kumpulan pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat serta pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi). Personel MySTEP juga bertanggungjawab dalam penyediaan bahan-bahan yang berkaitan dengan urusan surat/memo, minit curai/mesyuarat, minit bebas, brosur dan lain-lain.

TATACARA PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan di dalam Perkhidmatan Majlis Daerah Yong Peng yang boleh dicetak melalui Laman Web www.mdyp@johor.gov.my atau boleh didapati di Kaunter Pertanyaan Majlis Daerah Yong Peng seperti berikut:-

**PEJABAT MAJLIS DAERAH YONG PENG
KM.1 JALAN LABIS
83700 YONG PENG
JOHOR DARUL TA'ZIM
TEL : 07-4671276**

2. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan sertakan dengan:-

- i. Sekeping gambar terkini berukuran passport;
- ii. Salinan Kad Pengenalan Diri, Sijil Kelahiran, Sijil Diploma, Sijil Berhenti Sekolah, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti aktiviti-aktiviti kokurikulum ketika bersekolah.

**SALINAN SIJIL HENDAKLAH DIAKUI SAH OLEH PEGAWAI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 KE ATAS SAHAJA**

- iii. Sila hantar borang permohonan berserta dokumen lengkap ke alamat seperti tertera di atas sebelum atau pada tarikh tutup iklan jawatan.


3. Permohonan berikut akan ditolak:

- a) Tidak menggunakan Borang Permohonan daripada Majlis Daerah Yong Peng;
- b) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
- c) Permohonan tidak lengkap atau tidak terang;
- d) Tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana dalam iklan;
- e) Tidak ditandatangani;
- f) Sekiranya borang tidak diisi dengan **LENGKAP** atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan, Pengurusan Pentadbiran Majlis boleh menolak permohonan calon serta merta.

Tarikh Tutup : **08 APR 2024**

NOTA / CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk sesi temuduga;
2. Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungjawab calon sendiri;
3. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan anda **TIDAK BERJAYA**).


**(HAJI NUR FAIZ BIN JAMIL)
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH YONG PENG
JOHOR DARUL TA'ZIM**